



**GARIS PANDUAN PELANTIKAN
SYARIKAT PANEL PENYEDIA
LATIHAN BAGI PROJEK PIKM :
PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN
KAYU “*TIMBER CERTIFICATION
INCENTIVE PROGRAMME*” (TCIP)**

Disediakan oleh:

**Bahagian Pembangunan Industri
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA**

April 2025

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Tujuan	4
2.0	Latar Belakang	4
3.0	Objektif	4
4.0	Pelantikan Syarikat Panel	
4.1	Kaedah dan Kriteria Pelantikan Syarikat Panel	4 - 6
4.2	Tempoh Kontrak	6
5.0	Pemantauan Syarikat Panel	
5.1	Laporan Kemajuan Awal dan Interim	6
5.2	Aduan Mengenai Syarikat Panel	6 - 7
6.0	Maklumat Syarikat Panel Penyedia Latihan	7
7.0	Kaedah Pembiayaan	7
8.0	Dokumen Perjanjian Program	8
9.0	Kaedah Penghantaran Dokumen	8
10.0	Tarikh Kuat Kuasa	9
 <u>Lampiran-Lampiran</u>		
Lampiran A : Borang Tawaran		10 – 11
Lampiran B : Senarai Semak Permohonan		12
Lampiran C : Spesifikasi Perkhidmatan Penyedia Latihan		13 - 17
Lampiran D : Borang Tuntutan Penyedia Latihan		18
Lampiran E : Senarai Semak Dokumen Tuntutan Penyedia Latihan		19 - 21
Lampiran F : Borang Tuntutan Perjalanan "Out Of Pocket Expenses" Penyedia Latihan		22 - 23

TAKRIFAN

Di dalam Garis Panduan (GP) ini, perkataan-perkataan berikut yang digunakan adalah bermaksud seperti dinyatakan di bawah kecuali jika konteksnya menyatakan sebaliknya:-

(a)	“Kayu”	bermaksud Keluaran atau dari mana-mana keluaran yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta 105 Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973
(b)	“Syarikat (SP)”	bermaksud Syarikat yang memohon untuk menyertai Program Insentif Pensijilan Kayu “Timber Certification Incentive Programme” (TCIP)
(c)	“Penyedia Latihan (PL)”	bermaksud Syarikat Penyedia Latihan yang dilantik oleh MTIB untuk membantu membangunkan Dokumen Manual Kualiti syarikat di bawah Program Insentif Pensijilan Kayu “ <i>Timber Certification Incentive Programme</i> ” (TCIP)
(d)	“Wang Deposit”	bermaksud sejumlah wang sebagaimana yang dinyatakan di Klausu 4 Perjanjian ini yang perlu dibayar oleh syarikat kepada MTIB bagi maksud Program tersebut
(e)	“Perjanjian”	bermaksud Dokumen Perjanjian yang dimeterai di antara Syarikat dan MTIB.
(f)	“Program”	bermaksud Program Insentif Pensijilan Kayu “Timber Certification Incentive Programme (TCIP)
(g)	“PEFC”	bermaksud Programme for the Endorsement of Forest Certification
(h)	“CoC MTCS”	bermaksud Chain of Custody (CoC) Certification under Malaysian Timber Certification Scheme
(i)	“FSC”	bermaksud Forest Stewardship Council
(j)	“JKTK”	bermaksud Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kerja Program Insentif Pensijilan Kayu “ <i>Timber Certification Incentive Programme</i> ” (TCIP)
(k)	“JKT”	bermaksud Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Insentif Pensijilan Kayu “ <i>Timber Certification Incentive Programme</i> ” (TCIP)
(l)	“JKP”	bermaksud Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu “ <i>Timber Certification Incentive Programme</i> ” (TCIP)
(m)	“PPEE/PKA”	bermaksud Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi/ Penolong Khidmat Awam
(n)	“KEW”	bermaksud Bahagian Kewangan MTIB.

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PELANTIKAN SYARIKAT PANEL PENYEDIA
LATIHAN BAGI PROJEK PIKM : PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU “TIMBER
CERTIFICATION INCENTIVE PROGRAMME” (TCIP).**

1.0 TUJUAN

Dokumen Garis panduan ini dikeluarkan adalah bertujuan bagi menggariskan panduan pelaksanaan Pelantikan Syarikat Panel Penyedia Latihan bagi projek Pembangunan Industri Kayu-Kayan Malaysia (PIKM) iaitu Program Insentif Pensijilan Kayu “*Timber Certification Incentive Programme*” (TCIP).

2.0 LATARBELAKANG

Projek ini telah mendapat kelulusan dari Kementerian Perlombongan dan Komoditi (KPK) pada 5 Disember 2023 dengan peruntukan sebanyak RM1.575 juta untuk tempoh pelaksanaan selama tiga tahun mulai Januari 2024 hingga Disember 2026.

3.0 OBJEKTIF

Pelaksanaan projek ini adalah untuk meningkatkan bilangan pemegang sijil “*Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)*” atau Chain of Custody (CoC) Certification under Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS) dan Forest Stewardship Council (FSC) di kalangan industri kayu-kayan di Semenanjung Malaysia dalam sub-sektor kilang papan, papan lapis, kayu kumai & “*Building Carpentry and Joinery (BJC)*”, perabot, pengeksport dan lain-lain keluaran kayu. Dengan pertambahan bilangan pemegang sijil, dengan sendirinya akan meningkatkan pengeluaran kayu yang berstatus *certified* yang mana menjadi keutamaan ke atas permintaan produk kayu pada masa ini samada untuk tujuan eksport atau domestik.

4.0 PELANTIKAN SYARIKAT PANEL PENYEDIA LATIHAN

4.1 Kaedah dan Kriteria Pelantikan Syarikat Panel

4.1.1 Proses Penentuan Syarikat untuk Penyertaan:

i. Pelawaan

Pelawaan iklan dibuat di portal rasmi MTIB. Syarikat Penyedia Latihan yang menyertai tawaran hendaklah

melengkapkan dan mengemukakan Borang Tawaran seperti di **Lampiran A**.

MTIB dibenarkan dari semasa ke semasa untuk mempelawa mana-mana syarikat penyedia latihan yang dikenal pasti mempunyai kemampuan dalam melaksanakan perkhidmatan latihan bagi memperolehi pensijilan *Chain of Custody (CoC) Certification under Malaysian Timber Certification Scheme/ Programme For The Endorsement Of Forest Certification (MTCS/PEFC)* dan *Forest Stewardship Council (FSC)*, CoC - MTCS-PEFC/ FSC dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

ii. Kriteria dan Syarat Penyertaan

- a) Memenuhi syarat – syarat yang ditetapkan seperti di **Lampiran B**.
- b) Memenuhi spesifikasi perkhidmatan dan latihan yang telah ditetapkan dan dapat membantu syarikat perkayuan di Semenanjung Malaysia seperti di **Lampiran C**.

4.1.2 Proses Pemilihan Syarikat

Pemilihan syarikat dilaksanakan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) berdasarkan kepada penilaian keupayaan teknikal syarikat dan kriteria serta spesifikasi yang telah ditetapkan. Cadangan pemilihan syarikat akan disyorkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) untuk kelulusan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) akan bersidang dari semasa ke semasa sekiranya terdapat pengesyoran oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) bagi meluluskan syarikat penyedia latihan baharu yang berkeelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

4.1.3 Proses Pelantikan Syarikat

Surat Tawaran dan Pelantikan sebagai Syarikat Panel Penyedia

Latihan akan dikeluarkan oleh MTIB kepada syarikat yang berjaya. Senarai Syarikat Panel ini akan dipaparkan di laman web rasmi MTIB dan dikemaskini sekiranya terdapat perubahan.

Senarai Syarikat Panel boleh berubah daripada semasa ke semasa sekiranya terdapat penambahan bilangan syarikat penyedia latihan yang berkecualan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP).

Selain itu, MTIB turut berhak untuk menggugurkan mana-mana Syarikat Panel yang gagal mematuhi obligasi kontrak atau tidak memenuhi syarat berdaftar dengan MOF selepas tempoh program tamat.

4.2 Tempoh Kontrak/ Perjanjian

Tempoh kontrak adalah mulai tahun 2025 hingga 31 Disember 2026 iaitu mengikut tempoh pelaksanaan TCIP di bawah projek Pembangunan Industri Kayu-Kayan Malaysia (PIKM).

Pelanjutan tempoh Kontrak Syarikat Panel akan dilaksanakan sekiranya penyedia latihan tidak dapat melaksanakan perkhidmatan sepertimana yang dipersetujui. Sebarang permohonan perlu dikemukakan kepada MTIB samada melalui surat/ e-mel selewat-lewatnya **dua (2) bulan** sebelum tarikh tamat kontrak.

Kontrak Syarikat Panel boleh ditamatkan/ dipendekkan sekiranya gagal mencapai prestasi yang memuaskan.

5.0 PEMANTAUAN SYARIKAT PANEL

5.1 Laporan Kemajuan Awal, Interim dan Akhir

Syarikat Panel penyedia latihan hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan Awal, Interim dan Akhir mengikut format yang ditetapkan seperti di **Lampiran C**.

5.2 Aduan Mengenai Syarikat Panel

Aduan secara rasmi berkenaan prestasi syarikat panel penyedia latihan

yang kurang memuaskan seperti kelewatan pelaksanaan dan kemajuan program akan di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) untuk dipertimbangkan bagi penamatan kontrak.

6.0 MAKLUMAT SYARIKAT PANEL PENYEDIA LATIHAN

Maklumat Senarai Syarikat Panel adalah seperti di **Lampiran B**. Senarai Syarikat Panel boleh berubah daripada semasa ke semasa sekiranya terdapat pertambahan syarikat yang diluluskan.

7.0 KAEDAH PEMBIAYAAN

7.1 MTIB akan menyediakan insentif kepada Penyedia Latihan bagi item-item seperti berikut:-

i) **RM7,000.00** – Kerja-kerja Pembangunan Dokumentasi dan Latihan;

- Fasa 1 – Penyediaan Laporan Awal - 20%
- Fasa 2 – Penyediaan Laporan Interim - 30 %
- Fasa 3 – Penyediaan Laporan Akhir - 30 %
- Fasa 4 – Penganugerahan Sijil – 20%

ii) **RM3,000.00** - Tuntutan Perjalanan "Out of Pocket Expenses"

7.2 Tuntutan Perjalanan "Out of Pocket Expenses" oleh penyedia latihan boleh dibuat setelah syarikat mendapat pensijilan seperti di **Lampiran C**.

7.3 MTIB berhak melakukan pemeriksaan pada bila – bila masa di premis pemohon.

7.4 Penyedia latihan yang dipilih oleh pemohon tidak boleh mempunyai sebarang kepentingan (*Conflict of Interest*) dengan penyedia latihan. Contoh : Sebarang hubungan kekeluargaan, agen, duta, wakil jualan dana / atau pekerja syarikat/ Ahli Lembaga Pengarah syarikat atau lain – lain hubungan yang mengaitkan pemohon dengan Penyedia latihan.

- 7.5 Penyedia latihan hendaklah bertanggungjawab, dan memastikan syarikat yang benar-benar berkecualan dan mempunyai cukup persediaan daripada segi dokumentasi dan lain-lain persediaan asas syarikat dibawah kendalian mereka sehingga proses mendapat persijilan (CoC).
- 7.6 Sebarang isu yang timbul di antara pemohon dan penyedia latihan adalah diluar tanggungjawab MTIB.

8.0 DOKUMEN PERJANJIAN PROGRAM

- 8.1 Satu perjanjian akan ditandatangani di antara penyedia latihan dan MTIB.
- 8.2 Perjanjian berkaitan perlu dikembalikan kepada MTIB dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh dokumen tersebut.
- 8.3 Sebarang kos dan duit setem akan ditanggung sepenuhnya oleh penyedia latihan.
- 8.4 Tiada permohonan program yang diluluskan oleh MTIB boleh dibuat sehingga perjanjian telah lengkap ditandatangani terlebih dahulu.

9.0 KAEDAH PENGHANTARAN DOKUMEN

- 9.1 Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada MTIB di alamat:-

KETUA PENGARAH

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Tingkat 13-17 Menara PGRM,
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur

u.p : Unit Sokongan Industri & Verifikasi
Bahagian Pembangunan Industri

10.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 April 2025**.

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Industri

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

LAMPIRAN A

**BORANG TAWARAN BAGI PERKHIDMATAN
PELANTIKAN SYARIKAT PANEL PENYEDIA LATIHAN BAGI PROJEK PIKM PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU
“TIMBER CERTIFICATION INCENTIVES PROGRAMME” (TCIP)
UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**

A. MAKLUMAT AM:

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nama Syarikat/ Perniagaan	:
2.	Nombor Pendaftaran Syarikat	:
3.	Nombor Pendaftaran Kementerian Kewangan (Kod Bidang 221110)	:
4.	Tarikh Syarikat/ Perniagaan Ditubuhkan	:
5.	Jenis Perniagaan	:
6.	Taraf Syarikat	: Bumiputera/ Bukan Bumiputera*
7.	Status Syarikat	: Syarikat Tempatan/ Syarikat Kerjasama Asing*
8.	Alamat Syarikat	:
9.	Nombor Telefon Syarikat	:
10.	Alamat E-mel Syarikat	:

B. PENGALAMAN SYARIKAT

Bil.	Jenis / Bidang Kontrak	Nama Agensi Kerajaan/ Swasta	Tempoh Kontrak	Status (Telah Tamat/ Masih Berkuat Kuasa)
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

C. PERAKUAN

Saya/ Kami mengaku bahawa segala maklumat yang dikemukakan di atas adalah benar. Saya juga menyedari sekiranya didapati maklumat-maklumat yang diberikan ini adalah palsu atau tidak benar, maka Kerajaan boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap saya dan syarikat yang saya wakili di bawah apa-apa undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cap Syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN B**SENARAI SEMAK PERMOHONAN**

Senarai semak dan salinan dokumen di bawah perlu dilampirkan bersama **SENARAI SEMAK PERMOHONAN** bagi memastikan kelancaran proses penilaian. Sebarang keperluan bagi dokumen tambahan atau sokongan akan dimaklumkan.

Sila tandakan (√) di ruang yang berkenaan.

BIL.	PERKARA	SYARIKAT	MTIB
1.	Salinan Pendaftaran Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] atau Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta197].		
2.	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Kod Bidang: 221110 – Perkhidmatan / Guna tenaga / Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar, Moderator / Negotiator.		
3.	Salinan Carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem SSM e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia.		
4.	Salinan carian Status Penggulangan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvensi Malaysia		
5.	Wajib menghadiri Bengkel/ Kursus <i>Awareness</i> berkaitan pensijilan - <i>Malaysian Timber Certification Scheme/ Programme for the Endorsement of Forest Certification (MTCS/PEFC), Forest Stewardship Council (FSC)</i> anjuran MTIB *Nota: Tarikh bengkel/kursus akan dimaklumkan.		

LAMPIRAN C

**SPESIFIKASI PERKHIDMATAN PELANTIKAN SYARIKAT PANEL PENYEDIA LATIHAN
BAGI PROJEK PIKM : PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU “TIMBER
CERTIFICATION INCENTIVE PROGRAMME” (TCIP)**

BIL.	SPESIFIKASI/ PERIHAL PERKHIDMATAN	TANGGUNG JAWAB KEPADA
1.0	PROGRAM PENSIJILAN PEFC/ FSC	
1.1	Mencari serta mendapatkan penyertaan syarikat daripada industri perkayuan.	Syarikat Penyedia Latihan
1.2	Melaksanakan penghebahan program / <i>roadshow</i> di setiap wilayah (Utara, Timur, Tengah, Selatan) di Semenanjung Malaysia. Nota: <i>MTIB tidak akan menanggung sebarang kos penginapan dan perjalanan penyedia latihan semasa menghadiri sesi taklimat / roadshow yang diadakan bagi penghebahan program.</i>	Syarikat Penyedia Latihan
1.3	Melawat dan memberi penerangan secara <i>in situ</i> kepada syarikat perkayuan yang berminat.	Syarikat Penyedia Latihan
1.4	Mengemukakan jadual pelaksanaan kerja / projek (Gantt Chart) dengan mengambil kira tarikh perancangan, tarikh pelaksanaan dan jangkaan tarikh penyerahan projek.	Syarikat Penyedia Latihan
1.5	Memberi segala maklumat yang diperolehi sepanjang program berlangsung dengan MTIB seperti data, gambar, video dan sebagainya. Maklumat-maklumat tersebut adalah menjadi hak milik MTIB dan sebarang perkongsian dengan pihak luar perlulah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pihak MTIB terlebih dahulu.	Syarikat Penyedia Latihan
1.6	Segala kos melibatkan pelaksanaan program adalah di bawah tanggungan Penyedia Latihan seperti pembayaran duti setem dan apa-apa kos yang timbul dalam penyediaan dan pelaksanaan Perjanjian ini.	Syarikat Penyedia Latihan
1.7	Memastikan segala maklumat yang diperolehi daripada syarikat terlibat dalam program ini tidak didedahkan kepada pihak luar selain MTIB.	Syarikat Penyedia Latihan
2.0	FASA 1: PENGENALAN KEPADA PROGRAM PENSIJILAN (20%)	
2.1	Melaksanakan Program Pensijilan PEFC/FSC kepada syarikat perkayuan di Semenanjung Malaysia.	Syarikat Penyedia Latihan

BIL.	SPESIFIKASI/ PERIHAL PERKHIDMATAN	TANGGUNG JAWAB KEPADA
2.2	Menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan serta memantau kemajuan pelaksanaan projek ke atas syarikat yang menyertai program	Syarikat Penyedia Latihan
2.3	Membantu syarikat yang terlibat dengan memberi latihan dan khidmat nasihat di dalam pembangunan dokumen dan persediaan untuk mendapatkan Akreditasi oleh Approved Certified Body (CB)/ Badan Berkaitan :	Syarikat Penyedia Latihan
2.4	i. Mengenal Pasti Jurang atau Kawasan untuk Penambahbaikan dalam Memenuhi Piawaian dan Keperluan Pematuhan FSC/PEFC. ii. Perbincangan Mengenai Pelan Tindakan untuk Meningkatkan Pematuhan dengan FSC/PEFC. Skop kerja : Melakukan lawatan tapak dan menjalankan analisis jurang. Contoh Bukti kemajuan : Senarai kehadiran, laporan analisis jurang, <i>gantt chart</i>.	Syarikat Penyedia Latihan
2.5	Mengemukakan satu dokumen yang menerangkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan, <i>gantt chart</i> pelaksanaan program, peranan dan tanggungjawab ahli pasukan projek, penetapan aktiviti projek dan penemuan awalan kajian dengan menggunakan carta yang bersesuaian.	Syarikat Penyedia Latihan
2.6	Mengemukakan profil lengkap daripada setiap syarikat. Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut: i. Maklumat Ringkas Syarikat. ii. Jenis Produk Pengeluaran. iii. Jumlah Pekerja Secara Keseluruhan. iv. Carta Organisasi Syarikat v. Pasaran produk	Syarikat Penyedia Latihan
2.7	Memajukan Senarai kehadiran beserta tandatangan dan cap syarikat setiap kali Penyedia Latihan mengadakan lawatan ke syarikat	Syarikat Penyedia Latihan
2.8	Mengemukakan laporan yang lengkap termasuk kompilasi gambar-gambar / video sepanjang program berlangsung dalam bentuk jpeg/MP4 dalam satu (1) salinan bercetak dalam bentuk <i>binding</i> dan satu (1) salinan soft copy laporan dalam bentuk <i>Microsoft Words</i> / Excel / Power Point (kos peralatan ditanggung oleh pihak Penyedia Latihan).	Syarikat Penyedia Latihan

BIL.	SPESIFIKASI/ PERIHAL PERKHIDMATAN	TANGGUNG JAWAB KEPADA
2.9	Mengemukakan laporan dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	Syarikat Penyedia Latihan
2.10	Laporan yang lengkap perlu dihantar sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) dan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) diadakan bagi memberi peluang kepada ahli-ahli untuk meneliti laporan tersebut sebelum mesyuarat diadakan.	Syarikat Penyedia Latihan
2.11	Penambahbaikan laporan (sekiranya ada) selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) , perlu dikemukakan kepada urus setia mesyuarat dalam tempoh 3 - 7 hari selepas mesyuarat.	Syarikat Penyedia Latihan
3.0	FASA 2: PEMBANGUNAN DOKUMENTASI SYARIKAT (30%)	
3.1	i. Membangunkan secara kolaboratif sistem pengurusan FSC/PEFC yang disesuaikan dengan objektif organisasi, pendekatan metodologi pensijilan FSC/PEFC yang bersesuaian dan berintegrasi ke dalam proses sedia ada. ii. Membantu dalam pembangunan dokumentasi yang diperlukan, termasuk dasar, prosedur, arahan kerja, dan perakaunan bahan, untuk menyokong sistem pengurusan FSC/PEFC. iii. Menjalankan audit dalaman mengenai pelaksanaan sistem pengurusan FSC/PEFC di seluruh organisasi, untuk memastikan pematuhan kepada piawaian FSC/PEFC dan mengenal pasti kawasan untuk penambahbaikan berterusan. Skop kerja : Melaksanakan latihan, menyediakan dokumentasi, menjalankan audit dalaman dan menangani sebarang ketidakpatuhan. Contoh Bukti Kemajuan: Senarai kehadiran latihan, laporan kemajuan, laporan audit dalaman dan manual kualiti syarikat.	Syarikat Penyedia Latihan
3.2	Memajukan Senarai kehadiran beserta tandatangan dan cap syarikat setiap kali Penyedia Latihan mengadakan lawatan ke syarikat	Syarikat Penyedia Latihan
3.3	Mengemukakan laporan yang lengkap termasuk kompilasi gambar-gambar / video sepanjang program berlangsung dalam bentuk jpeg/MP4 dalam satu (1) salinan bercetak dalam bentuk <i>binding</i> dan satu (1) salinan soft copy laporan dalam bentuk <i>Microsoft Words / Excel / Power Point</i> (kos peralatan ditanggung oleh pihak Penyedia Latihan).	Syarikat Penyedia Latihan

BIL.	SPESIFIKASI/ PERIHAL PERKHIDMATAN	TANGGUNG JAWAB KEPADA
3.4	Mengemukakan laporan dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	Syarikat Penyedia Latihan
3.5	Laporan yang lengkap perlu dihantar sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) dan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) diadakan bagi memberi peluang kepada ahli-ahli untuk meneliti laporan tersebut sebelum mesyuarat diadakan.	Syarikat Penyedia Latihan
3.7	Penambahbaikan laporan (sekiranya ada) selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) , perlu dikemukakan kepada urus setia mesyuarat dalam tempoh 3 - 7 hari selepas mesyuarat.	Syarikat Penyedia Latihan
4.0	FASA 3: PROSES PENGAUDITAN OLEH BADAN PENSIJILAN (30%)	
4.1	i. Membantu syarikat untuk memohon proses pengauditan oleh badan pensijilan (CB) ii. Perbincangan mengenai pelan tindakan pembetulan untuk ketidakpatuhan. iii. Memastikan setiap syarikat mendapatkan akreditasi/audit daripada badan pensijilan yang berdaftar dengan PEFC/FSC Skop Kerja : Membantu syarikat menyelesaikan audit, menyerahkan penemuan audit kecil atau menutup penemuan audit utama (Syarikat pemohon mesti menutup semua penemuan utama semasa audit pertama untuk mendapatkan sijil). Contoh Bukti Kemajuan : Pengesahan audit oleh Badan Pensijilan (CB), laporan audit oleh Badan Pensijilan (CB) seperti <i>Non-Conformance Report (NCR)</i>, <i>Opportunity For Improvement Report (OFI)</i>, dokumen manual kualiti yang telah ditambah baik sekiranya ada.	Syarikat Penyedia Latihan
4.2	Mengemukakan satu dokumen rumusan yang mengandungi cadangan, penambahbaikan dan masalah yang timbul dalam menawarkan perkhidmatan pensijilan PEFC/FSC kepada industri perkayuan.	Syarikat Penyedia Latihan
4.3	Memajukan senarai kehadiran beserta tandatangan dan cap syarikat setiap kali Penyedia Latihan mengadakan lawatan ke syarikat syarikat.	Syarikat Penyedia Latihan

BIL.	SPESIFIKASI/ PERIHAL PERKHIDMATAN	TANGGUNG JAWAB KEPADA
4.4	Mengemukakan borang maklum balas daripada pemilik syarikat mengenai program yang telah dilaksanakan.	Syarikat Penyedia Latihan
4.5	Mengemukakan laporan yang lengkap termasuk kompilasi gambar-gambar / video sepanjang program berlangsung dalam bentuk jpeg/MP4 dalam satu (1) salinan bercetak dalam bentuk binding dan satu (1) salinan soft copy laporan dalam bentuk Microsoft Words / Excel / Power Point (kos peralatan ditanggung oleh pihak Penyedia Latihan).	Syarikat Penyedia Latihan
4.6	Mengemukakan laporan dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	Syarikat Penyedia Latihan
4.7	Laporan yang lengkap perlu dihantar sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) dan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) diadakan bagi memberi peluang kepada ahli-ahli untuk meneliti laporan tersebut sebelum mesyuarat diadakan.	Syarikat Penyedia Latihan
4.8	Penambahbaikan laporan (sekiranya ada) selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu (TCIP) , perlu dikemukakan kepada urus setia mesyuarat dalam tempoh 3 - 7 hari selepas mesyuarat.	Syarikat Penyedia Latihan
5.0	FASA 4: PENGANUGERAHAN SIJIL (20%) + TUNTUTAN PERJALANAN "Out of Pocket Expenses" (Maksimum sehingga RM3,000.00)	
5.1	Penyedia Latihan perlu mengemukakan Borang Tuntutan beserta dokumen- dokumen berikut: - Setelah syarikat mendapat pensijilan - Salinan sijil CoC syarikat/ surat pengesahan dari Badan Pensijilan. - Tuntutan Bagi Kerja-Kerja Dokumentasi dan Latihan - Borang Tuntutan Penyedia Latihan "Out of Pocket Expenses". Bayaran Perkhidmatan berserta resit-resit berkaitan seperti resit hotel, tol dan lain-lain.	Syarikat Penyedia Latihan

Catatan: Tuntutan bagi setiap fasa tertakluk kepada peruntukan berjumlah RM7,000

LAMPIRAN D

**BORANG TUNTUTAN PENYEDIA LATIHAN BAGI PROJEK PIKM :
PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU
“TIMBER CERTIFICATION INCENTIVE PROGRAMME” (TCIP).**

Daripada :

Kepada : Pengarah
Bahagian Pembangunan Industri
Malaysian Timber Industry Board (MTIB)
Tingkat 13 – 17, Menara PGRM,
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur.
[u. p. : YBrS. ChM. Ts. Dr. Yeoh Beng Hoong (yeoh@mtib.gov.my)
Cik Sarah Najwa Mohd Masri (sarah.najwa@mtib.gov.my)
Reza Faidzal Md.Daud (reza@mtib.gov.my)

Syarikat : _____
(Syarikat)

No. Surat Rujukan : _____
Pelantikan MTIB

Tuntutan berperingkat bayaran perkhidmatan melalui empat (4) peringkat tuntutan iaitu dengan jumlah:-

BIL.	PERKARA (JENIS PERKHIDMATAN)	SILA TANDA (✓)	TANDATANGAN PENGESEAHAN & COP SYARIKAT
1.	Fasa 1 : Pengenalan Kepada Program Pensijilan (20%)		
2.	Fasa 2 : Pembangunan Dokumentasi Syarikat (30%)		
3.	Fasa 3 : Proses Pengauditan Oleh Badan Pensijilan (30%)		
4.	Fasa 4 : Penganugerahan Sijil (20%) + Tuntutan Perjalanan "Out of Pocket Expenses"- (Maksimum RM3,000)		

Catatan: Tuntutan bagi setiap fasa tertakluk kepada peruntukan berjumlah RM7,000

Nama : _____ Cop Syarikat:
Tarikh : _____ Penyedia
Latihan

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tindakan/Ulasan (PBPI/TPBPI) : _____

Nama : _____
Jawatan : _____

LAMPIRAN E**SENARAI SEMAK DOKUMEN TUNTUTAN**

Senarai semak dan salinan dokumen di bawah perlu dilampirkan bersama **BORANG TUNTUTAN PENYEDIA LATIHAN (LAMPIRAN G)** bagi memastikan kelancaran proses pembayaran. Sebarang keperluan bagi dokumen tambahan atau sokongan akan dimaklumkan.

Sila tandakan (✓) di ruang yang berkenaan.

KEMAJUAN FASA	BUKTI / DOKUMEN	STATUS	
		SYARIKAT PENYEDIA LATIHAN	MTIB
☐	FASA 1: PENGENALAN KEPADA PROGRAM PENSIJILAN (20%)		
LAPORAN AWAL	Senarai kehadiran berserta cop syarikat setiap kali Penyedia Latihan mengadakan lawatan ke syarikat.		
	Maklumat Ringkas Syarikat.		
	Jenis Produk Pengeluaran.		
	Jumlah Pekerja Secara Keseluruhan.		
	Carta Organisasi Syarikat		
	Pasaran produk		
	Laporan Analisis Jurang (<i>Gap Analysis</i>)		
	<i>Gantt chart</i>		
	Mengemukakan butiran seperti berikut: - gambar / video sepanjang program berlangsung dalam bentuk jpeg/MP4 dalam satu (1) salinan bercetak dalam bentuk binding dan; - Satu (1) salinan soft copy laporan dalam bentuk Microsoft Words / Excel / Power Point (kos peralatan ditanggung oleh pihak Penyedia Latihan).		
	Laporan Penambahbaikan (sekiranya ada)		
☐	FASA 2: PEMBANGUNAN DOKUMENTASI SYARIKAT (30%)		

LAPORAN INTERIM	Senarai kehadiran beserta cop syarikat setiap kali Penyedia Latihan mengadakan lawatan ke syarikat		
	Pembangunan Manual Kualiti/ <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) syarikat		
	Laporan Audit Dalaman		
	Mengemukakan butiran seperti berikut: - gambar / video sepanjang program berlangsung dalam bentuk jpeg/MP4 dalam satu (1) salinan bercetak dalam bentuk binding dan; - satu (1) salinan soft copy laporan dalam bentuk Microsoft Words / Excel / Power Point (kos peralatan ditanggung oleh pihak Penyedia Latihan).		
	Laporan Penambahbaikan (sekiranya ada)		
FASA 3: PROSES PENGAUDITAN OLEH BADAN PENSIJILAN (30%)			
LAPORAN AKHIR	Senarai kehadiran beserta cop syarikat setiap kali Penyedia Latihan mengadakan lawatan ke syarikat		
	Bukti Syarikat memohon dengan Badan Pensijilan (CB) untuk pengauditan		
	Laporan <i>Non-Conformance Report</i> (NCR)		
	Laporan <i>Opportunity For Improvement Report</i> (OFI)		
	Sebarang dokumen penambahbaikan pematuhan kepada pensijilan		
	Dokumen manual kualiti yang telah ditambah baik (sekiranya ada)		
	Borang maklum balas daripada pemilik syarikat mengenai program yang telah dilaksanakan.		
FASA 4: PENGANUGERAHAN SIJIL DAN TUNTUTAN (20%)			
PENGANUGERAHAN SIJIL PEFC / FSC	Salinan sijil CoC syarikat/ surat pengesahan dari Badan Pensijilan		
	TUNTUTAN BAGI KERJA-KERJA DOKUMENTASI, LATIHAN DAN PERJALANAN - RM3,000		
	Borang Tuntutan Penyedia Latihan Projek PIKM : Program Insentif Pensijilan Kayu " <i>Timber Certification Incentive Programme</i> " (TCIP).		

	Borang Tuntutan Penyedia Latihan " <i>Out of Pocket Expenses</i> ". Bayaran Perkhidmatan berserta resit-resit berkaitan seperti resit hotel, tol dan lain-lain.		
--	---	--	--



**BORANG TUNTUTAN
PERJALANAN "OUT OF POCKET EXPENSES" PENYEDIA LATIHAN BAGI
PROJEK PIKM : PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU
"TIMBER CERTIFICATION INCENTIVE PROGRAMME" (TCIP).**

Kepada : Pengarah
Bahagian Pembangunan Industri
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Tingkat 13 – 17, Menara PGRM,
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur.

(u. p. : YBr. ChM. Ts. Dr. Yeoh Beng Hoong (yeoh@mtib.gov.my)
Cik Sarah Najwa Mohd Masri (sarah.najwa@mtib.gov.my)
Reza Faidzal Md.Daud (reza@mtib.gov.my)

No. Surat Rujukan : _____
Pelantikan MTIB

Tuntutan Penyedia Latihan '*Out Of Pocket Expenses*' dengan jumlah maksima RM3,000. Jenis tuntutan adalah termasuk perbatuan (*mileage*), hotel/ *lojing* dan penerbangan (resit atau bukti pembayaran disertakan).

BIL.	TARIKH & MASA PERJALANAN	PERKARA	TUNTUTAN (RM)
JUMLAH TUNTUTAN (RM)			

**Sila nyatakan alamat tempat lojing di dalam borang tuntutan.*

ELAUN	KADAR
Perbatuan	500 km pertama = 85 sen/km 501 km - ke atas = 75 sen/km
Penginapan (Hotel)	RM220.00 + 18%
*Elaun Lojing (Tanpa Resit)	RM60.00
Penerbangan	Kelas Ekonomi

Nama :

Tarikh :

Cop Syarikat :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tindakan/Ulasan (PBPI/TPBPI) : _____

Nama :

Jawatan :